KELUARAN KHAS ••• Pendidikan & Latihan

# Permintaan guru tadika tinggi

## AeU tawar diploma GDipECE selama dua tahun diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin pada 30 Oktober 2012 menyatakan hanya tiga peratus daripada jumlah keseluruhan guru prasekolah swasta adalah guru bertauliah manakala selebihnya belum memiliki kelayakan sekurang-kurangnya Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

Angka ditunjukkan sememangnya sesuatu yang membimbangkan apatah lagi berdasarkan NKRA Pendidikan pada 2012 terdapat pertambahan 200,000 murid prasekolah dan jumlah itu dijangka terus meningkat pada tahun berikutnya.

Kesedaran ibu bapa dalam memastikan anak mereka menghadiri prasekolah juga kian meningkat, malah ada antaranya mula ditempatkan di prasekolah seawal umur empat tahun.

Kecenderungan ini secara tidak langsung menyaksikan banyak sekolah tadika dibuka dan sehingga Januari tahun lalu, lebih 140 taska berdaftar beroperasi di Kuala Lumpur.



IBU bapa semakin mengutamakan pendidikan prasekolah anak masing-masing. - GAMBAR HIASAN

Jumlah itu tidak termasuk taska moden seperti Islamic Montessori yang tumbuh dengan pesatnya atas keperluan semasa bagi memenuhi permintaan ibu bapa yang sanggup berbelanja lebih bagi memastikan anak mereka mendapat pendidikan sewajarnya.

Secara dasarnya, kos bagi menghantar seorang anak menghadiri prasekolah di bandar adalah antara RM200 dan RM800 sebulan bergantung kepada jenis prasekolah dan kawasan penempatan. Ini tidak termasuk caj kelas tambahan seperti kelas bahasa ketiga dan kelas kemahiran khusus yang diadakan selepas waktu kelas biasa.

Dengan berlakunya pertambahan taska, keperluan terhadap tenaga pengajar juga turut meningkat dan ia datang dengan permintaan ibu bapa yang semakin cerewet.

Sebagaimana mereka sanggup berbelanja, mereka juga mahu memastikan tenaga pengajar daripada mereka yang mempunyai kelayakan atau bertauliah.

**FAKTA**
*Kos bagi seorang anak menghadiri prasekolah di bandar adalah antara RM200 dan RM800 sebulan*

Sehubungan itu, Asia e University (AeU) menyediakan program Diploma Siswazah Pendidikan Awal Kanak-Kanak (Graduate Diploma in Early Childhood Education (GDipECE).

Dekan Sekolah Pendidikan dan Sains Kognitif (School of Education & Cognitive Science) AeU, Prof Dr John Arul Philips berkata, program yang ditawarkan itu diluluskan Agensi Kelayakan Malaysia (MQA).



DR John

"Ramai ibu bapa mahukan guru tadika yang mengajar anak mereka memiliki kelayakan dan inilah dilema dihadapi kebanyakan pengusaha tadika.

"Kebanyakan guru tadika sekadar mengikuti program jangka pendek sedangkan peranan dimainkan guru sangat besar dan mereka memerlukan sekurang-kurangnya diploma untuk menjadi tenaga pengajar kepada kanak-kanak prasekolah.

"Peranan yang dimainkan guru prasekolah besar kerana kanak-kanak pada usia ini sangat bergantung kepada mereka dan apa saja yang diajar akan diserap ke dalam diri mereka. Sehubungan itu mereka memerlukan latihan dan kelayakan yang betul dalam mendidik kanak-kanak," katanya.

Dengan berbekalkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), program GDipECE ditawarkan kepada guru tadika yang bekerja dan ia mengambil masa dua tahun dan hanya datang ke kelas sekali sebulan saja.

Sepanjang pengajian GDipECE, pelajar diberi pendedahan kepada 18 subjek bersesuaian keperluan pendidikan kanak-kanak peringkat prasekolah.

AeU asiaeuniversity

TINGKATKAN KERJAYA DENGAN MENAIK TARAF TAHAP PENDIDIKAN ANDA

Sahut cabaran dunia kerjaya dengan memiliki Ijazah Sarjana Muda dari AeU. Pendidikan diperibadikan di AeU di mana anda belajar mengikut kesesuaian waktu sebagai individu berkerjaya. Melalui kaedah pembelajaran dan pengajaran teradun yang fleksibel dan mudah dicapai di mana jua, memiliki Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf bukan lagi sekadar impian. Realisasikannya di AeU.

- **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** (Pengajaran Bahasa Inggeris sebagai Bahasa Kedua) dengan Kepujian KPT/JPS (KN 9153) 09/14, PA 9153
- **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** (Pendidikan Bahasa Melayu di Sekolah Rendah) dengan Kepujian JPT/BPP (N/141/6/0012) 08/17, PA 1635
- **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** (Pengajaran Sains di Sekolah Rendah) dengan Kepujian JPT/BPP (N/141/6/0009) 03/17, PA 1279
- **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** (Pendidikan Islam di Sekolah Rendah) dengan Kepujian JPT/BPP (N/141/6/0018) 11/17, PA 1828
- **Ijazah Sarjana Muda Pendidikan** (Pendidikan Awal Kanak-Kanak) dengan Kepujian JPT/BPP (N/143/6/0031) 05/17, PA 1280
- **Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan** dengan Kepujian KPT/JPS (KN 9101) 10/14, PA 9101
- **Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat & Komunikasi** dengan Kepujian KPT/JPS (KN 9489) 1/14, PA 9489
- **Ijazah Sarjana Muda Media Kreatif Digital** dengan Kepujian JPT/BPP (N/213/6/0059) 3/17, PA 1269
- **Ijazah Sarjana Muda Teknologi (Teknologi Maklumat)** dengan Kepujian JPT/BPP (N/481/6/0207) 08/17, PA 1847

Kelebihan Belajar di Asia e University:

• Akses segera kepada kandungan kursus di mana jua pada bila-bila masa • Pembelajaran interaktif atas talian yang mudah dan menyelesakan • Sesi kaunseling bersama Fasilitator Akademik yang berpengalaman • Kelas yang diatur mengikut kesesuaian waktu pelajar berkerjaya • Rekaan kurikulum yang menepati kehendak industri • Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) • Sistem Kemasukan Terbuka ditawarkan

Kunjungi pameran kami di sini (10.00 pagi hingga 6.00 petang)

| Tarikh | Nama Event | Tempat |
|---|---|---|
| 22-23 Februari | Road to IPTS 2014 | Ipoh Parade Mall, Ipoh |
| 22-23 Februari | Postgradasialive! 2014 | Kuala Lumpur Convention Centre |

Universiti Multinasional di Bawah 33 Negara Dialog Kerjasama Asia (ACD)
• Malaysia • Singapura • China • India • Jepun • Bahrain • United Arab Emirates • Filipina • Brunei Darussalam • Indonesia • Kuwait • Vietnam • Saudi Arabia • Thailand • Korea Selatan • Myanmar • Oman • Rusia • Bhutan • Iran • Laos • Kazakhstan • Tajikistan • Uzbekistan • Kyrgyzstan • Kemboja • Pakistan • Mongolia • Sri Lanka • Qatar • Bangladesh • Afghanistan • Turkey

Pusat-Pusat Pembelajaran Tempatan
• Kuala Lumpur • Petaling Jaya • Mantin • Banting • Kuantan • Ipoh • Pulau Pinang • Johor Bahru • Melaka • Kuala Terengganu • Alor Setar • Batu Pahat • Kota Kinabalu • Kuching • Mukah • Miri • Sibu • Bintulu • Kota Bharu • Kudat • Kota Marudu • Ranau • Sandakan

Pusat-Pusat Pembelajaran Antarabangsa
• Australia • Bahrain • Kemboja • England • Indonesia • India • Iran • Denmark • Pakistan • Singapura • Sudan • Vietnam

Asia e University
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Hotline: 1 300 300 238 • Talian Pantas: +603-2785 0023 / 0181 / 0182 / 0027 • Talian Am: +603-2785 0000
Faks: +603-2711 0436 • E-mel: enquiries@aeu.edu.my • www.aeu.edu.my

www.facebook.com/AsiaeUniversityFans twitter.com/asiaeuniversity www.youtube.com/asiaeuniversity

1Universiti 33Negara

KPT/JPT/DFT/US/W12